

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22 June 2015

UM - 22/6/2015

Mukhriz zahir penghargaan terhadap bapa melalui Facebook

ALORSETAR 21 Jun - Sempena Hari Bapa dan ulang tahun kelahiran yang ke-90 bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada bulan depan, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir menzahirkan penghargaan terhadap bapanya dalam akaun media sosial Facebook peribadinya.

Melalui laman Facebook itu, Mukhriz secara peribadi menulis catatan tersebut hari ini dengan mengimbas kembali kenangan beliau bersama Dr. Mahathir ketika di zaman persekolahan, zaman bergelar mahasiswa di Jepun serta selepas menceburkan diri dalam dunia politik.

Menurut Mukhriz, ketika di zaman persekolahan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kota Bahru (kini MRSM Pengkalan Chepa), Dr. Mahathir pernah tidak bertegur sapa dengannya hampir seminggu hanya kerana berambut panjang.

"Rupa-rupanya kepulangan saya dari maktab dengan rambut yang agak panjang dan kusut masai sangat tidak disenangi ayah.

"Tetapi cara dia (Dr. Mahathir) menunjukkan kemarahannya dengan tidak terus menegur saya, langsung tidak saya fahami," katanya.

Mukhriz memberitahu, beliau juga menjadi 'haiwan makmal' Dasar Pandang ke Timur apabila ayahnya itu menghantarnya melanjutkan pelajaran ke Jepun.

"Tidak cukup dengan itu, saya disuruh bekerja sambil belajar supaya dapat menampung yuran universiti dan meringankan kewangan keluarga.

"Saya dihantar bekerja sambil di ibu pejabat Bank of Tokyo Limited di Nihombashi, Tokyo. Serentak (itu) saya mempelajari bahasa Jepun sehinggalah saya memasuki Universiti Sophia di Ichigaya, Tokyo," jelasnya.

Pada peringkat awal di negara itu, Mukhriz tidak memahami tujuan sebenar bapanya menghantar beliau ke Jepun.

"Namun, lama kelamaan saya makin menghayati manfaat yang saya peroleh selama lima tahun di negara matahari terbit itu.

"Sampai hari ini saya masih kagum dengan sikap orang Jepun dan berusaha agar rakyat Kedah mencontohi mereka.

"Antara sikap orang Jepun yang patut diteladani ialah jujur dan amanah," ujarnya.



Rupa-rupanya kepulangan saya dari maktab dengan rambut yang agak panjang dan kusut masai sangat tidak disenangi ayah. Tetapi cara dia (Dr. Mahathir) menunjukkan kemarahannya dengan tidak terus menegur saya, langsung tidak saya fahami."

MUKHRIZ MAHATHIR
Menteri Besar Kedah